



KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

SIARAN MEDIA

OPERASI BERSEPADU UNIT SDT DAN JPES BAGI BULAN OKTOBER 2025

1. Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan (IBE) melalui Unit Sukatan dan Timbangan (SDT) dan Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) melalui Jabatan Hal Ehwal Pengguna di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mengadakan operasi bersepadu iaitu lawatan mengejut ke atas tiga (3) buah premis perniagaan di Kampong Kapok, Daerah Brunei Muara pada hari Sabtu, 11 Oktober 2025.
2. Hasil daripada operasi berkenaan, penguatkuasa Unit SDT telah mendapati sebanyak dua belas (12) unit alat sukat dan timbang yang digunakan bagi tujuan perdagangan yang mana kesemua alat-alat berkenaan mematuhi Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151 dan Peraturan-Peraturan (Penelitian) 1994. Pihak peniaga diingatkan untuk mempamerkan tanda berat bersih bagi barang-barang berbungkus untuk memudahkan pihak pembeli membuat pilihan dan mengatur perbelanjaan dengan bijak.
3. Manakala pihak JPES mendapati semua premis perniagaan yang diperiksa mematuhi Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya di mana barangan yang dikawal harga seperti minyak masak dan susu tepung formula tidak dijual melebihi harga maksimum yang ditetapkan. Harga-harga barangan yang dipamerkan di premis perniagaan juga didapati dipaparkan dengan jelas dan betul.
4. Para peniaga adalah diingatkan bahawa setiap alat sukat dan timbangan yang digunakan untuk tujuan perdagangan hendaklah didaftarkan dengan Unit SDT selaras dengan Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151 dan Peraturan-Peraturan (Penelitian) 1994. Kegagalan dalam mematuhi mana-mana syarat di bawah akta ini adalah satu kesalahan dan boleh dikenakan denda sebanyak BND1,000.00 atau penjara selama tiga (3) bulan atau kedua-duanya sekali.
5. Para peniaga turut dinasihatkan untuk menjalankan aktiviti perniagaan secara beretika dengan memastikan barangan yang dikawal harga tidak dijual melebihi harga maksimum yang ditetapkan dan barangan yang dijual dipamerkan tanda harga yang jelas dan betul serta tidak mengelirukan pengguna. Senarai harga maksimum yang terkini bagi barangan yang dikawal harga di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142 boleh diperolehi di dalam laman sesawang JPES di www.deps.mofe.gov.bn.

6. Bagi sebarang pertanyaan lanjut, orang ramai boleh menghubungi agensi-agensi berkenaan seperti keterangan berikut:
- i. Unit Sukatan dan Timbangan melalui e-mel: sdt@mofe.gov.bn atau talian 238 3142; dan
 - ii. Jabatan Hal Ehwal Pengguna melalui Talian Darussalam 123 atau e-mel aduanpengguna@jpes.gov.bn

#####

Disediakan oleh:
Unit Sukatan dan Timbangan
Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan (IBE)
Kementerian Kewangan dan Ekonomi
E-mel: sdt@mofe.gov.bn

Rujukan : (071)KKW/SDT/ENF/04
Tarikh : 30 Rabiulakhir 1447 / 22 Oktober 2025



MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

PRESS RELEASE

JOINT OPERATION SDT UNIT AND DEPS FOR OCTOBER 2025

1. Industry and Business Ecosystem Division (IBE) through Weights and Measures Unit (SDT) and Department of Economic Planning and Statistics (DEPS) through Department of Consumer Affairs under the Ministry of Finance and Economy conducted Joint Operation on three (3) business premises at Kampong Kapok, Brunei Muara District on Saturday, 11 October 2025.
2. During the operation, SDT officers found twelve (12) units of weights and measures unit used for trading purposes were in compliance with the Weights and Measures Act 1983 Chapter 151 and Weights and Measures (Verification) Regulations 1994. Business owners are advised to display the net weight of packaged goods clearly which enables customers to choose and manage their expenses wisely.
3. Meanwhile the DEPS found that all inspected premises followed the Price Control Act, Chapter 142 and its regulations, with price-controlled items such as cooking oil and formulated powdered milk being sold within the set maximum prices. The prices of items displayed at the business premises were also found to be clearly and accurately displayed.
4. Business owners are advised to ensure every weighing and measuring machines used during trading activities must be registered with SDT and in accordance with the Weights and Measures Act 1983 Chapter 151 and Weights and Measures (Verification) Regulations 1994. Failure to comply with or contravene with any provision of the Act is an offense and is liable on conviction to a fine of BND1000.00 or imprisonment for a period of three (3) months or both.
5. Businesses are also reminded to uphold ethical practices by ensuring that price-controlled items are not sold above their set maximum prices and that all prices are clearly and accurately displayed so as not to mislead consumers. The latest maximum prices for price-controlled items can be accessed through the DEPS website at www.deps.mofe.gov.bn.

6. For any enquiries, public may contact the relevant agencies as follows:

- i. Weights and Measures Unit via email: sdt@mofe.gov.bn or contact at 238 3142; and
- ii. Department of Consumer Affairs via Talian Darussalam 123 or email consumercomplaint@jpes.gov.bn

#####

Prepared by:
Weights and Measures Unit (SDT)
Industry and Business Ecosystem Division (IBE)
Ministry of Finance and Economy
Email: sdt@mofe.gov.bn

Reference : (071)KKW/SDT/ENF/04
Date : 30 Rabiulakhir 1447 / 22nd October 2025

**OPERASI BERSEPADU UNIT SDT DAN JPES
BAGI BULAN OKTOBER 2025**

